



Noor Azlan (tengah), Neil (kiri) dan Mohd Yusri (Kanan) menandatangani dokumen perjanjian kerjasama banteras wabak denggi di UKM baru-baru ini.

# Program **impak sosial**

» **UKM**  
bekerjasama  
dengan swasta  
banteras wabak  
demam denggi

Oleh **Basir Zahrom**  
basir\_zahrom@bh.com.my

✦ **Bangi**

**U**niversiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menandatangani perjanjian kerjasama dengan Inno Biologics Sdn Bhd dan Entogenex Industries Sdn Bhd dalam usaha membanteras wabak demam denggi menerusi program masyarakat dan penyelidikan.

Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, berkata kerjasama yang membolehkan empat

penjuru iaitu pihaknya (institusi pendidikan), industri, agensi kerajaan dan masyarakat itu akan memberi manfaat kepada semua pihak.

## Urus program KBD

Beliau berkata, hubungan kerjasama antara UKM dengan Inno Biologics dan Entogenex bermula sejak lima tahun lalu serta telah berjaya menghasilkan produk inovasi MOUSTIcide dan BIO-D.

"Kini, dua rakan industri kami ini giat menguruskan program Komuniti Bebas Denggi (KBD) yang baru dilancarkan iaitu sebuah projek perdana Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

"Projek ini adalah program impak sosial untuk kawalan denggi yang ditubuhkan dengan gabungan inovasi bioteknologi dengan pembabitkan masyarakat yang berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian dengan Inno Biologics serta Entogenex, di UKM, baru-baru ini.

## Pantau keberkesanan

Pada majlis itu, UKM diwakili Noor Azlan, manakala Inno Biologics dan Entogenex masing-masing diwakili Naib Presiden Kanannya, Mohd

Yusri Bulat dan Pengarahnya, Dr Neil Ranaweera.

Yang turut hadir menyaksikan majlis itu ialah Pro Canselor UKM, Tunku Naquiyuddin Tuanku Jafar dan dua Ahli Lembaga Pengarah UKM, Datuk Seri Dr Ibrahim Saad serta Datuk Dr Ahmad Tasir Lope Pihie.

Noor Azlan berkata, menerusi kerjasama itu, UKM akan menambah nilai Program KBD melalui tiga peringkat iaitu penyertaan sukarelawan UKM bagi membantu penyelidikan dan memantau keberkesanan alat digunakan serta mengukur kesan program masyarakat itu.

## Eksport kepakaran

"Kedua, UKM dan KBD akan memberi tumpuan kepada pembangunan inovasi saintifik baharu menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai persediaan pengkomersialan.

"Ketiga, pembangunan perusahaan yang mana Inno Biologics dan Entogenex akan bekerjasama dengan Pengajian Siswazah Perniagaan UKM untuk membangunkan model keusahawanan dan perniagaan untuk mengkomersialkan pelbagai alatan kawalan denggi.

"Selain itu, sebuah makmal penyelidikan baharu di Fakulti Sains Kesihatan UKM juga akan diwujudkan untuk penyelidikan dan pembangunan kawalan denggi," katanya.

Sementara itu, Neil Ranaweera berkata, kunci kejayaan KBD adalah melalui penyebaran pengetahuan dan inovasi baharu serta relevan.

Katanya, kerjasama kukuh itu banyak menyumbang kepada keberkesanan inovasi teknologi pihaknya iaitu MOUSTIcide, alat antidenggi yang penting dalam KBD.

"Kami juga menyokong aspirasi MOSTI untuk mengeksport kepakaran ini ke luar negara melalui kerjasama dengan kerajaan dan menasarkannya negara lain yang mempunyai masalah denggi," katanya.